



22 MAR, 2023

## 2.4 juta telur tampung keperluan pengguna pada Ramadan, Aidilfitri

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

## 2.4 juta telur tampung keperluan pengguna pada Ramadan, Aidilfitri

**MELAKA** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka akan menge luarkan sebanyak 2.4 juta telur ayam bagi menampung keperluan bekalan mentah tersebut di seluruh Semenanjung sepanjang Ramadan dan Aidilfitri ini.

Pengaruhnya, Hairudin Yunos berkata, bagi memastikan pelaksanaan itu berjalan lancar, pasukan khas dikenali Egg Action Team@Melaka (EAT@MELAKA) bersiap sedia untuk mengagihkan bekalan telur ke 14 Pusat Operasi FAMA di seluruh Semenanjung yang dijangka meningkat lima hingga 10 peratus.

Malah, beliau berkata, pihaknya juga tidak meminggirkan peniaga makanan di bazar Ramadan dan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang mengalami masalah kekurangan bekalan telur.

"Menerusi program intervensi di antara golongan itu, mereka tidak perlu bimbang berdepan kesukaran untuk mendapatkan bekalan mentah tersebut yang akan terus stabil sehingga selepas musim pe-

rayaan Aidilfitri.

"Menjelang Ramadan, jangkaan kita permintaan bekalan telur meningkat antara lima hingga 10 peratus.

"Kalau dahulu ada peniaga martabak yang risau bekalan telur tak cukup, kali ini tidak akan timbul masalah bekalan dan harga telur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Program Jualan Pra-Ramadan Melaka Madani 2023 yang disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Ali Mohd Rustam di Bukit Katil pada Selasa.

Dalam pada itu, Hairudin berkata, Melaka menyumbang lapan juta daripada keseluruhan 18 juta telur ayam yang diagihkan kepada peruncit dan Pusat Operasi FAMA di Semenanjung sejak program intervensi telur ber mula Disember tahun lalu.

"Dalam tempoh itu hingga kini, FAMA Melaka telah agihkan lapan juta telur ke seluruh Semenanjung termasuk menampung keperluan kira-kira 30 usahawan IKS seluruh negeri," katanya.



22 MAR, 2023

## 2.4 juta telur tampung keperluan pengguna pada Ramadan, Aidilfitri

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MELAKA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka akan mengeluarkan sebanyak 2.4 juta telur ayam bagi menampung keperluan bekalan mentah tersebut di seluruh Semenanjung sepanjang Ramadan dan Aidilfitri ini. Pengaruhnya, Hairudin Yunos berkata, bagi memastikan pelaksanaan itu berjalan lancar, pasukan khas dikenali Egg Action Team@Melaka (EAT@MELAKA) bersiap sedia untuk mengagihkan bekalan telur ke 14 Pusat Operasi FAMA di seluruh Semenanjung yang dijangka meningkat lima hingga 10 peratus.